

PUSAKA, penyelidik bangunkan industri perabot

● MICHAEL SERING | BERITA HARIAN

KUCHING: Perbadanan Kema-
juan Perusahaan Kayu Sara-
wak (PUSAKA) akan bekerjasama
dengan dua badan penyelidik tem-
patan bagi membangunkan indus-
tri perabot di negeri ini yang di-
anggap masih ketinggalan.

Dalam kerjasama itu, Universiti
Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan
Institut Penyelidikan Perhutanan
Malaysia (FRIM) akan membantu
PUSAKA dalam merekabentuk pe-
rabot, melatih kakitangan serta me-
nubuhkan makmal ujian perabot di
negeri ini.

Timbalan Pengurus Besar PUSA-
KA, Hashim Bojet, berkata jumlah
sumbangan eksport perabot Sara-
wak masih terlalu kecil berikutan
industri perabot tempatan masih
berskala kecil dan ketinggalan ber-
banding negeri lain.

Katanya, Sarawak lebih banyak
menjadi pengeksport bahan men-
tah membuat perabot dan pada ma-
sa sama hanya menyumbang ku-
rang tiga peratus kepada nilai eks-
port perabot Malaysia yang
berjumlah kira-kira RM8 bilion se-
tahun.

"Malaysia adalah antara 10 pe-
ngeluar perabot terbesar dunia de-
ngan kebanyakan sumber kayu ini
datang dari Sarawak, namun dari
aspek pengeluaran perabot, Sara-
wak masih jauh ketinggalan.

"Hanya ada sekitar 400 pengu-
saha perabot di Sarawak dengan
saiz operasi kecil menyebabkan
produk keluaran tempatan ini se-
kadar memenuhi pasaran domestik
dan sedikit saja dieksport," katanya
pada sidang media mengenai Se-
minar Pembangunan Industri Pe-
rabot Sarawak, di sini, semalam.

Seminar yang bakal dihadiri pe-
serta dari seluruh negara pada 14
dan 15 Februari depan, akan me-
nyaksikan PUSAKA menandata-
ngani memorandum persefahaman
(MoU) antara UNIMAS dan FRIM.



HASHIM (kiri), bersama Ketua Unit Rekaan Perabot FRIM, Abdul Hamid Saleh dan Khairul Aidil Azlin pada sidang media Seminar Pembangunan Industri Perabot Sarawak 2012 di Kuching, semalam.

Hashim berkata, syarikat kayu
tempatan juga didapati lebih ba-
nyak mengeksport kayu balak dan
kayu bergergaji ke pasaran luar
dan mereka enggan terbabit dalam
industri pembuatan perabot.

"Keadaan ini berbeza dengan in-
dustri perabot di negeri lain, di
mana pengeluar di sana mempu-
nyai kilang perabot berskala besar
dan diusahakan bersama pelabur
asing menjadikannya jauh lebih
maju dari segi teknologi dan ke-
pakaran.

"Pengusaha perabot di Semen-
jung juga menggunakan sumber ka-
yu pokok getah yang mendapat per-

mintaan tinggi di pasaran eksport
manakala pengusaha perabot Sa-
rawak menggunakan sumber kayu
hutan tropika menyebabkan har-
ganya mahal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut

Rekaan dan Inovasi UNIMAS, Prof
Madya Dr Khairul Aidil Azlin Ab-
dul Rahman, berkata pihaknya me-
lalui kerjasama terbabit akan me-
lahirkan kumpulan pereka perabot
bagi keperluan industri itu di ne-
geri ini.

"Kita mempunyai keupayaan me-
latih antara 40 hingga 60 graduan
berkemahiran dalam bidang reka-
bentuk perabot setahun. Ini penting
kerana pasaran perabot amat di-
pengaruhi perubahan fesyen," ka-
tanya yang meminta pengusaha pe-
rabot tempatan turut mengikuti ke-
hendak fesyen terkini perabot yang
berubah setiap dua tahun.

FAKTA NOMBOR

400
pengusaha

pengusaha perabot di Sarawak